

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 08 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN TEH KOK LIM [TAIPING] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan peratusan pekerja yang masih belum menerima tahap pendapatan gaji minimum dan usaha Kementerian untuk mengatasi kekurangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan pelaksanaan dasar gaji minimum dipatuhi oleh semua majikan di negara ini, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) telah memberikan kuasa kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK) untuk menjalankan penguatkuasaan dan penyiasatan berhubung pelaksanaan gaji minimum.

Mekanisme yang digunakan oleh pihak JTK bagi pemantauan dan penguatkuasaan gaji minimum yang lebih berkesan adalah seperti berikut;

- (i) pemeriksaan berkanun, yang merupakan suatu aktiviti rutin iaitu lawatan ke tempat kerja oleh pegawai-pegawai JTK bagi memeriksa aspek pematuhan undang-undang buruh oleh majikan;
- (ii) pengendalian tuntutan kes buruh di Mahkamah Buruh yang difailkan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum;

- (iii) penyiasatan aduan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum yang difailkan oleh pekerja di JTK; dan
- (iv) pendakwaan terhadap majikan-majikan yang masih berdegil untuk membayar kadar gaji minimum kepada pekerja.

Bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 15 Oktober 2021, pihak JTK telah menjalankan 19,101 pemeriksaan berkanun. Didapati sebanyak **95% majikan** telah mematuhi Perintah Gaji Minimum 2020 yang memperuntukkan kadar gaji minimum RM1,200 bagi 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran dan RM1,100 bagi kawasan-kawasan selain Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran. Majikan-majikan yang didapati tidak mematuhi pemakaian gaji minimum, tindakan pendakwaan boleh diambil terhadap mereka selaras dengan seksyen 43 Akta MPGN [Akta 732].

JTK juga menyiasat tuntutan kes buruh yang difailkan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum. Dari 1 Januari 2021 hingga 15 Oktober 2021, sebanyak **130 tuntutan kes buruh difailkan** oleh pekerja-pekerja yang mana **35 kes (27%)** telah diselesaikan manakala **95 kes (73%)** masih dalam tindakan JTK.

Selain itu, aduan kegagalan majikan membayar gaji minimum yang difailkan oleh pekerja di JTK mulai 1 Januari 2021 hingga 15 Oktober 2021 ialah **158 aduan** diterima dan sebanyak **151 aduan (96%)** telah diselesaikan serta baki **7 kes (4%)** masih dalam tindakan JTK.

Di samping itu, dari 1 Januari 2014 sehingga 15 Oktober 2021, sebanyak **702 fail pendakwaan** atas pertuduhan tidak membayar gaji minimum telah dibuka yang mana **511 kes** telah diberi izin dakwa oleh Penasihat Undang-undang JTK untuk dibawa ke peringkat perbicaraan. Daripada jumlah ini, sebanyak **404 (79%) kes** pendakwaan telah selesai dibicarakan dengan denda yang telah dikenakan oleh mahkamah kepada majikan-majikan terbabit berjumlah RM1,005,350.00. Baki 107 kes masih menunggu tarikh perbicaraan.